

Empangan Sembrong BM 21/1 penuh sampah, rumput

BATU PAHAT: Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar meminta kerja pembersihan Empangan Sembrong, Ayer Hitam di sini, dijalankan segera kerana sampah dan rumpai air di empangan itu menyumbang kepada banjir yang melanda daerah ini.

Katanya, orang ramai tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab kepada kerajaan melaksanakan kerja pembersihan itu sebaliknya menyasarkan ia dilakukan bersama.

"Empangan ini besar tetapi hanya ada lima kakitangan bertanggungjawab menjaganya dan dalam keadaan ini orang ramai terutama penduduk di sekitarnya harus bekerjasama membantu kerajaan menjaga kebersihannya," katanya.

Tunku Ibrahim berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Empangan Sembrong, di sini, semalam.

Beliau berkata, banjir yang melanda adalah dugaan kepada semua dan meminta satu kajian khusus dijalankan bagi mengatasinya pada masa depan.

"Saya harap ketika air masih penuh, kajian terperinci dijalankan untuk memastikan punca banjir di daerah ini. Kita harus kaji dari mana punca air dan ia mengalir ke mana," katanya.

Sementara itu, di **JOHOR BAHRU**, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan negeri memerlukan peruntukan untuk mempunyai sistem tebatan banjir baru termasuk pembinaan empangan sebagai persediaan berikutan fenomena perubahan cuaca dunia dan kesan pemanasan global.

Beliau berkata, sukar untuk me-neka sama ada kemungkinan banjir besar akibat hujan lebat luar biasa yang melanda Johor pada Disember dan bulan ini akan berulang lagi pada masa akan datang.

Namun, katanya, sistem perparitan dan saliran sedia ada di negeri ini perlu diselenggara dan diperbaiki dan ia sudah tentu memerlukan satu peruntukan daripada kerajaan.

"Selepas mengambil kira pengalaman negeri ini dilanda dua kali banjir besar dalam dua bulan berturut-turut maka perlu dikaji semula



PRIHATIN NASIB RAKYAT: Tunku Ibrahim meninjau keadaan paras air Empangan Sembrong di Ayer Hitam, semalam.

sistem perparitan dan saliran selain membina empangan baru bagi menampung pertambahan air jika hujan lebat luar biasa berlaku lagi.

"Ada sungai dan parit menjadi cetek selepas banjir besar dan ia memerlukan peruntukan mencukupi untuk pulihkan sistem perparitan dan saliran di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sam-

“Empangan ini besar tetapi hanya lima kakitangan bertanggungjawab menjaganya”

Tunku Ibrahim Ismail
Tunku Mahkota Johor

butan Maal Hijrah Peringkat Negeri, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, banjir besar yang melanda dua kali di Johor disebabkan hujan lebat berterusan dan menyeluruh dalam tempoh tiga hari pada Disember dan bulan ini, dan gagal ditampung sistem tebatan banjir dan saliran yang wujud lebih 30 tahun lalu, dan melimpah ke kawasan kampung dan bandar.